



# Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia

No. Rujukan : NAAM/KEJ 13.24  
Tarikh : 12 OGOS 2024

**Kepada sesiapa yang berkenaan,**

Tuan,

## **PERTANDINGAN MEMANAH FIESTA BAKAT MSN @ KARNIVAL UDA 24 – ANGSANA JOHOR BAHRU MALL**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk mengenai perkara di atas.

Untuk makluman Tuan, Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Majlis Sukan Negara Malaysia dan ULDA Holdings Berhad akan menganjurkan kejohanan tersebut pada dan tempat seperti berikut:

**Tarikh : 11 hingga 13 Oktober 2024**  
**Tempat : Angsana Johor Bahru Mall,  
Johor.**

Sehubungan dengan itu, pihak persatuan dengan berbesar hati menjemput pihak Tuan untuk menghantar pasukan bagi menyertai kejohanan ini. Bersama-sama ini disertakan maklumat kejohanan yang berkenaan. Tarikh akhir pendaftaran di MAREOS adalah pada 1 Oktober 2024.

Perhatian dan kerjasama daripada pihak Tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

Yang Benar,

**(DATO' HAJI ABDUL ILAMID HAJI HASAN)**  
Presiden  
Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia



Binmasium 2,  
Majlis Sukan Negara Malaysia,  
Bukit Jalil,  
57000 Kuala Lumpur.



nonsecretary@masarchery.org  
<https://www.masarchery.org>



+6013-3941984  
+6015-4885282



## TARIKH-TARIKH PENTING

Tarikh mula pendaftaran MAREOS	: 1 September 2024
Tarikh akhir pendaftaran MAREOS	: 1 Oktober 2024
Tarikh Akhir Bayaran	: 1 Oktober 2024
Mesyuarat Pengurus Pasukan	: 11 Oktober 2024
Tarikh kejohanan	: 11 – 13 Oktober 2024

## TENTATIF PROGRAM (TIDAK RASMI)

Tempat pertandingan : Angsana Johor Bahru Mall, Johor.

11/10/2024 (JUMAAT)	Latihan Rasmi Mesyuarat Pengurus Pasukan Qualification rounds RU15M & RU15W
12/10/2024 (SABTU)	1/8 to Semi Final RU15M & RU15W Qualification rounds RU12B Medal Matches RU15M & RU15W
13/10/2024 (AHAD)	Qualification rounds RU12G 1/8 to Semi Final RU12B & RU12G Medal Matches RU12B & RU12G

## PENDAFTARAN

Semua pendaftaran peserta (pengurus, jurulatih dan atlet) hendaklah didaftarkan melalui Malaysia Archery Results & Entry Online System (MAREOS). Tiada pendaftaran secara manual yang diterima.

Hubungi pihak NAAM ([events@masarchery.org](mailto:events@masarchery.org)) jika ada sebarang pertanyaan ataupun memerlukan bantuan mengenai MAREOS. Untuk pertanyaan selain daripada MAREOS sila hubungi pihak penganjur.

## KATEGORI

Kategori bagi kejohanan ini adalah seperti berikut:

1. Recurve Under 12 Boy (9 hingga 12 Tahun) RU12B
2. Recurve Under 12 Girl (9 hingga 12 Tahun) RU12G
3. Recurve Under 15 Men (13 hingga 15 Tahun) RU15M
4. Recurve Under 15 Women (13 hingga 15 Tahun) RU15W

PERTANDINGAN MEMANAH FIESTA BAKAT MSN

@ KARNIVAL UDA 24

Angsana Johor Bahru Mall, Johor

11 -13 Oktober 2024



UDA HOLDINGS BERHAD

## PENYERTAAN

Penyertaan bagi kejohanan ini adalah terbuka. Walau bagaimanapun terhad kepada 32 orang terawal sahaja bagi setiap kategori.

Pendaftaran lewat (selepas Tarikh tutup) atau pertukaran (selepas tarikh tutup) akan didenda mengikut kadar yang telah ditetapkan dan penganjur mempunyai hak untuk tidak menerima.

## YURAN

Yuran pendaftaran adalah RM50.00. Pembayaran adalah melalui MAREOS.

## PERATURAN

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang World Archery dan Pertandingan Memanah Fiesta Bakat MSN.

Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang World Archery yang terkini akan dipatuhi.

Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:

Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada Peraturan Pertandingan Memanah Fiesta Bakat MSN.

Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada Undang-undang World Archery dan Pertandingan Memanah Fiesta Bakat MSN.

Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankausa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan adalah muktamad.

Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).

Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.

Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengurus Pertandingan dalam masa 15 minit selepas keputusan diumumkan.

Jarak yang akan dipertandingan adalah:

Recurve Bawah 12 Tahun	: 18 meter indoor rounds
Recurve bawah 15 tahun	: 18 meter indoor rounds

## PERTANDINGAN MEMANAH FIESTA BAKAT MSN

@ KARNIVAL UDA 24

Angsana Johor Bahru Mall, Johor

11 -13 Oktober 2024

Target Face yang akan diguna pakai adalah:

Recurve Bawah 12 Tahun : 40cm full rings  
Recurve bawah 15 tahun : 40cm Indoor Vertical



## HADIAH

Pingat akan disediakan seperti berikut:

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	Kelayakkan Individu 18m rounds Bawah 12 Tahun Lelaki	1	1	1	3
2	Kelayakkan Individu 18m rounds Bawah 15 Tahun Lelaki	1	1	1	3
3	Individu Bawah 12 Tahun Lelaki	1	1	1	3
4	Individu Bawah 15 Tahun Lelaki	1	1	1	3
7	Kelayakkan Individu 18m rounds Bawah 12 Tahun Wanita	1	1	1	3
8	Kelayakkan Individu 18m rounds Bawah 15 Tahun Wanita	1	1	1	3
9	Individu Bawah 12 Tahun Wanita	1	1	1	3
10	Individu Bawah 15 Tahun Wanita	1	1	1	3
<b>JUMLAH</b>		<b>10</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>30</b>

Sijil penyertaan akan diberikan kepada semua peserta.

Sijil pencapain akan diberikan kepada semua para pemenang.

## PENGINAPAN

Pihak penganjur tidak menyediakan penginapan. Segala urusan adalah di bawah tanggungjawab pasukan masing-masing.

## GANTI RUGI

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah/ tempat pertandingan/ rumah.

## HUBUNGI PENGANJUR

En. Rahimi Ahmad Sulaiman +60 12-372 3390  
En. Muhammad Zul izzati Ab Manaff +60 19-394 1984  
En Faiz Mokhtar Lopi +60 18-266 6181